

**TEKS UCAPAN**

**YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN**

**PADA**

**19 JANUARI 2016**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y BERUSAHA PUAN ZURAIDA BT SHAHARUDDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan Januari 2016 ini. Dengan ketibaan tahun 2016 ini, maka bermulalah lembaran baru dalam kehidupan kita termasuk tugas-tugas yang perlu kita laksanakan dan sasaran-sasaran yang perlu dikecapi.

2. Sepanjang tahun 2015, pelbagai pencapaian dalam pembangunan dan pengurusan lebuhraya bertol telah dikecapi terutamanya dalam pencapaian projek-projek penswastaan RMKe-10 serta perancangan RMKe-11 selain dari penyelarasan kadar tol, dan pelaksanaan pembayaran tol secara elektronik. LLM juga telah mencapai Prestasi Petunjuk Utama (KPI) LLM bagi tahun 2015 sebanyak 97% iaitu peningkatan prestasi berbanding pencapaian pada tahun 2014 sebanyak 92.4%.

## **PENCAPAIAN PROJEK-PROJEK PENSWASTAAN RMKE-10**

3. Di bawah RMKe-10 terdapat beberapa projek pembinaan lebuhraya baru, persimpangan bertingkat dan naik taraf lebuhraya telah disiapkan dan memulakan operasinya. Berikut adalah projek lebuhraya di bawah RMKe-10 yang telah disiapkan berserta kos pembinaan.

- i. Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  
Kos : RM 4.5 billion
- ii. Lebuhraya Sambungan Besraya (BEE)  
Kos : RM 659 juta

- iii. Lebuhraya Pantai Timur (Fasa 2)  
Kos : RM 1.4 billion
- iv. Pembinaan Pelebaran Lorong Ke-4, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS)  
Kos : RM 1.44 billion
- v. Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)  
Kos : RM 86.6 juta
- vi. Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)  
Kos : RM 91 juta
- vii. Susur keluar Kundang di Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR)  
Kos : RM 27.6 juta
- viii. Persimpangan Bertingkat Ainsdale di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)  
Kos : RM 130 juta
- ix. Persimpangan Bertingkat Seri Kembangan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX)  
Kos : RM 132 juta

4. Terdapat juga projek-projek pembinaan lebuhraya di bawah RMKe-10 yang masih dilaksanakan dan dijadualkan siap dalam tahun 2016, antaranya ialah :-

- i. Cadangan Pembinaan *underpass* dan jalan sambungan di Taman Kajang Utama di Lebuhraya SILK  
Kos : RM 22.4 juta

- ii. Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)

Kos : RM 101 juta

5. Di bawah RMKe-10 juga, terdapat dua projek lebuhraya baru (penswastaan) yang telah diluluskan oleh Kerajaan di mana pembinaan kedua-dua projek ini dijangka bermula pada pertengahan tahun 2016 iaitu:-

- i. Lebuhraya Damansara - Shah Alam (DASH); dan

Kos : RM 4.18 billion

- ii. Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE)

Kos : RM 5.3 billion

6. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan bagi projek-projek sambungan RMKe-10 bagi projek berikut :-

- i. Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (Banting-Taiping) yang telah memulakan pembinaan pada 25 Ogos 2014 dan dijadualkan siap pada 24 Ogos 2019; dan

Kos : RM 5.04 billion

- ii. Lebuhraya Lembah Klang Timur yang menjadi sebahagian daripada Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR) yang telah memulakan pembinaan pada 10 September 2015 dan dijadualkan siap pada 9 September 2019.

Kos : RM 1.551 billion

## **SISTEM PEMBAYARAN TOL ELEKTRONIK SEPENUHNYA (ETC)**

7. Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Pembayaran Tol Elektronik Sepenuhnya (ETC) seawal tahun 2008. Susulan daripada kejayaan ini, pada tahun 2016 adalah disasarkan pelaksanaan 100% ETC di 36 plaza tol di mana 10 plaza tol telah melaksanakannya pada **13 Januari 2016**. Isu yang sering diketengahkan semasa pelaksanaan ETC secara sepenuhnya adalah kualiti peranti SmartTAG dan kemudahan tambah nilai. Perkara-perkara ini perlu diambil berat agar tidak menggagalkan pelaksanaan ETC sepenuhnya ini.

## **CABARAN TAHUN 2016**

8. Adalah diramalkan, kita dapat meramalkan tahun 2016 merupakan tahun yang lebih mencabar bagi Negara kita, terutamanya berikutan:

- Pertama: Kelembapan ekonomi negara China yang merupakan ekonomi kedua terbesar dunia dan rakan dagangan terbesar negara;
- Kedua: Penurunan harga minyak mentah dan komoditi yang berterusan memandangkan ianya bergantung kepada bekalan dan permintaan global. Harga purata minyak mentah Brent telah menjunam daripada USD98.94 setong pada tahun 2014 kepada USD31.58 setong. Perkara ini amat membimbangkan ekonomi sedunia, termasuk kita memandangkan unjuran pertumbuhan ekonomi pada tahun 2016 adalah berdasarkan harga purata Brent sebanyak USD48 setong;
- Ketiga: Permintaan global dan perdagangan dunia yang masih lemah;

- Keempat: Keadaan pasaran kewangan terutamanya berikutan normalisasi kadar faedah US Fed akan menjejaskan aliran modal serantau, termasuk Malaysia; dan
- Kelima: Pengukuhan nilai dolar Amerika Syarikat.

9. Bagi industri lebuhraya bertol Negara, cabaran kita adalah menyediakan perkhidmatan lebuhraya dengan memberikan keutamaan kepada rakyat/pengguna lebuhraya. Dari awal perancangan lagi, pembinaan lebuhraya perlu direncana bagi memenuhi keperluan rakyat selain dari memenuhi piawaian yang ditetapkan. Persekitaran ekonomi dunia kini berkembang lebih perlahan manakala persaingan bagi mendapatkan pelaburan, perdagangan dan bakat menjadi lebih sengit juga memberi kesan kepada industri pembangunan lebuhraya. Dalam konteks ini, kita perlu menggandakan usaha untuk mengimbangi keperluan rakyat dengan sumber yang terhad. Keperluan rakyat sebagai pengguna lebuhraya seringkali menjurus kepada kadar bayaran tol, keselamatan dan keselesaan, isu kesesakan lebuhraya dan kemudahan yang disediakan.

10. Justeru itu, dalam menangani cabaran yang bakal mendatang untuk tahun 2016 tindakan lebih responsif dan tegas perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Tahun ini merupakan tahun yang begitu mencabar dan kita perlu menguruskan sumber-sumber kewangan dengan cekap dan mencapai tahap optimum disamping tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan. Dalam hal ini, perhatian hendaklah diberikan kepada projek lebuhraya yang dalam peringkat pembinaan dan akan memulakan pembinaan dalam tahun 2016.

Kita perlu bersiap sedia untuk memikirkan cara dan menyelami pendekatan terkini untuk memastikan pembangunan dan pengurusan lebuh raya adalah terbaik ditahap Negara dan dikagumi dunia luar.

Hadirin yang dihormati sekalian

## **CABARAN MEDIA SOSIAL KINI DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

11. Pelbagai usaha diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan dan Merakyatkan Perkhidmatan Awam di mana cabaran globalisasi yang semakin sengit dalam memenuhi kehendak persekitaran yang sentiasa berubah. Penggunaan media sosial merupakan prakarsa transformasi untuk memastikan penyampaian Kerajaan menepati keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat. Dengan pendekatan “Minda Terbuka, Mudah Didekati”, penggunaan media sosial membolehkan perkhidmatan awam menyelami falsafah tersebut untuk berhubung dan berinteraksi dengan pelanggan. Agensi juga perlu ‘Pasang Telinga, Buka Mata’ untuk menjejak suara hati rakyat dan pelanggan bagi mengenal pasti isu-isu, mengetahui masalah dan keperluan rakyat, seterusnya, menyelesaikannya dengan secepat mungkin. Perkara inilah yang ditekankan oleh jentera Kerajaan masa kini. Oleh itu, LLM seharusnya memanfaatkan dan memastikan penggunaan media sosial dan pengaliran maklumat yang telus, berhemah dan memberi impak positif kepada Sektor Awam dan mematuhi Kod Etika Perkhidmatan Awam dalam penggunaan media sosial dan mendapatkan khidmat nasihat sekiranya diperlukan.



12. Kita sebagai pegawai awam yang menggunakan media sosial samada untuk tujuan rasmi atau peribadi, perlu memastikan etika penggunaan media sosial di mana semua pegawai awam adalah terikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan arahan-arahan yang berkaitan yang menjadi teras kepada keperibadian atau tatakelakuan anggota perkhidmatan awam. Pegawai awam boleh menggunakan media sosial secara peribadi di luar waktu pejabat tetapi perlu berhati-hati supaya tidak mendedahkan sebarang maklumat rasmi. Sebarang komen mengenai isu-isu yang melibatkan agensi atau yang berbentuk serangan peribadi hendaklah dielakkan. Ketepatan dan sensitiviti maklumat yang ingin disampaikan hendaklah disemak terlebih dahulu sebelum dihantar.

13. Media sosial dapat memberi impak besar dalam penyebaran maklumat dan promosi jika digunakan dengan sebaik mungkin. Kita perlu proaktif dan kreatif dalam menyebarkan maklumat yang berkualiti, sahih dan mampu difahami serta menjangkau setiap lapisan masyarakat. Media sosial menjadi media baru sebagai saluran penghebahan maklumat utama program-program 'touch point' agensi, pencapaian organisasi dan saluran komunikasi antara Kerajaan dan pelanggan.

## **PERJUMPAAN TKSP (PELABURAN) DENGAN KETUA-KETUA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

14. Satu perjumpaan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) bersama Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan telah diadakan pada 12 Januari 2016. Antara intipati yang perlu dilaksanakan oleh setiap Badan Berkanun Persekutuan adalah:

- a. “High Performance & Berprestij Tinggi”  
Setiap badan berkanun perlu mencapai kepada penghasilan Berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Oleh itu, hala tuju setiap badan berkanun perlu dianalisa dan dikaji.
- b. Hala tuju Badan Berkanun perlu dilihat semula dalam membantu Kerajaan Persekutuan menangani kos sara hidup juga perlu dititikberatkan.
- c. Melestarikan Badan Berkanun melalui bisnes model terbaik.
- d. “HR Sensation Plan” perlu dibangunkan dalam menyediakan pelapis awalan yang terbaik ‘elite squad’ untuk kesinambungan pengurusan yang terbaik Badan Berkanun Persekutuan.

Dalam mendokong amanat ini, saya berpandangan, LLM perlu melihat semula halatuju dan menetapkan strategi LLM khususnya melalui proses penjenamaan semula organisasi. Selain itu, LLM perlu mengenal pasti dan memantau peruntukan belanjawan mengurus dan pembangunan supaya ianya digunakan secara berhemah serta mematuhi peraturan yang

berkuatkuasa. Proses kerja di LLM juga hendaklah dikaji semula keberkesanannya dengan mengambil kira keperluan semasa dan kos yang terlibat. Modal insan di LLM juga perlu digilap dan ditingkatkan kepakaran serta pengehtahuannya agar bersedia untuk mengambil alih dan menerajui barisan kepimpinan LLM pada masa akan datang.

Hadirian yang dihormati sekalian

## **PENUTUP**

15. Bagi mengakhiri ucapan, saya berharap segala urusan kita pada tahun 2016 ini akan dipermudahkan kerana perkara yang sentiasa dititikberatkan dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat adalah yang dapat memuaskan kehendak dan keperluan pengguna-pengguna lebu ray. Warga LLM perlu sentiasa berdedikasi dan telus dalam memastikan “Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”. Disamping itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Perkhidmatan 25 tahun. Ucapan tahniah juga saya ingin sampaikan kepada warga LLM yang menerima watikah kenaikan pangkat.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu“Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.